



**MANUAL
PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN
(PJKM) PENSIJILAN *TRUST MyCATERING* UNTUK
MASS KATERING**

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2017**

1.0 PENGENALAN

Pensijilan *Trust MyCatering* untuk mass catering dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diwujudkan bagi mengiktiraf syarikat pengendali mass catering yang menyumbang kepada perkembangan catering makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk syarikat catering makanan menghasilkan makanan yang selamat.

Bagi mendapatkan pensijilan ini, syarikat pengendali mass catering dikehendaki membangunkan Manual Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) Pensijilan *Trust Mycatering*. Oleh itu, Manual PJKM ini boleh digunakan sebagai panduan bagi membantu syarikat pengendali mass catering membangunkan manual keselamatan makanan untuk meningkatkan tahap keselamatan makanan yang sedia ada atau baru dilaksanakan serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap makanan yang dihasilkan dan mengelakkan kejadian keracunan makanan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memberi pengiktirafan rasmi kepada syarikat pengendali mass catering yang memenuhi kriteria pensijilan ini.
- 2.2 Mempromosi dan meningkatkan peluang kebolehpasaran produk makanan mass catering melalui jenama *Trust MyCatering* daripada KKM.
- 2.3 Bimbingan dari segi teknikal dan pelabelan oleh KKM.
- 2.4 Meningkatkan tahap keselamatan makanan yang dihasilkan.
- 2.5 Meningkatkan keyakinan orang ramai melalui logo *Trust MyCatering* pada label produk dan mengelakkan kejadian keracunan makanan.
- 2.6 Pelekat logo *Trust MyCatering* akan diberikan secara **PERCUMA** kepada setiap syarikat pengendali mass catering yang mendapat pensijilan kali pertama.
- 2.7 Membantu syarikat pengendali mass catering memenuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009).

3.0 KAEDAH PENGGUNAAN

- 3.1 Panduan ini dijadikan sebagai rujukan mengenai cara membangunkan manual keselamatan makanan di samping contoh-contoh rekod serta prosedur yang disediakan.
- 3.2 Panduan ini hanyalah contoh untuk dijadikan rujukan. Syarikat pengendali mass catering boleh terus menggunakannya atau mengubahsuai manual mengikut kesesuaian catering.
- 3.3 Selain itu, bagi memudahkan syarikat pengendali mass catering, contoh Manual Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) pensijilan *Trust MyCatering* yang boleh terus digunakan oleh pihak catering turut disediakan oleh Kementerian ini. Pihak syarikat hanya perlu mencatat nama dan alamat syarikat serta merekodkan aktiviti yang dijalankan mengikut prosedur yang dicadangkan oleh panduan ini.
- 3.4 Manual Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) pensijilan *Trust MyCatering* hendaklah sentiasa dilaksanakan dan rekod mengenainya perlu disimpan dengan baik bagi membuktikan sistem jaminan keselamatan makanan diamalkan oleh pihak syarikat.

MANUAL PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

PENSIJILAN *TRUST MyCATERING* UNTUK MASS KATERING

- NAMA & ALAMAT SYARIKAT KATERING -

.....
.....
.....
.....

Tel: XXXXXXXX
Fax: XXXXXXXX
www.abc.com

DISEDIAKAN OLEH:	DILULUSKAN OLEH:
Tarikh :	Tarikh :
Nama :	Nama :
Jawatan :	Jawatan :

**1.0 PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN
KESELAMATAN MAKANAN**

- 1.1 Profil Syarikat
- 1.2 Carta Organisasi Syarikat
- 1.3 Pelan Lokasi Premis Katering
- 1.4 Pelan Susun Atur Dapur
- 1.5 Polisi Pengurusan Keselamatan Makanan
- 1.6 Carta alir Proses
- 1.7 Senarai Menu

2.0 PENGENDALI MAKANAN

- 2.1 Vaksinasi
- 2.2 Program Latihan Pengendali Makanan dan
Penyelia Perkhidmatan Makanan
- 2.3 Kebersihan Diri Pengendali dan Pelawat

3.0 STRUKTUR DAPUR

4.0 REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR

- 4.1 Ruang/Kawasan dan Kemudahan di Dapur
- 4.2 Bekalan Air/Ais/Stim

**5.0 PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN
PERALATAN/PERKAKASAN**

6.0 KAWALAN BAHAN MENTAH

- 6.1 Penerimaan Bahan Mentah
- 6.2 Penyimpanan Bahan Mentah

7.0 KAWALAN PENYEDIAAN MAKANAN

8.0 KAWALAN PEMBUNGKUSAN MAKANAN

- 8.1 Kawalan Penerimaan Bahan Pembungkus
- 8.2 Kawalan Penyimpanan Bahan Pembungkus
- 8.3 Kawalan Aktiviti Pembungkusan Makanan

- 9.0 KAWALAN PENYIMPANAN MAKANAN**
- 10.0 PENGANGKUTAN DAN PENGEDARAN MAKANAN**
- 11.0 PENGHIDANGAN MAKANAN**
- 12.0 KAWALAN MAKHLUK PEROSAK**
- 13.0 KAWALAN KEBOLEHKESANAN (*TRACEABILITY*)**

SENARAI LAMPIRAN

BIL.	TAJUK	NO. DOKUMEN	MUKA SURAT
1.	Profil Syarikat	PS-01/17	
2.	Carta Organisasi Syarikat	PS-02/17	
3.	Pelan Lokasi Premis Katering	PS-03/17	
4.	Pelan Susun Atur Dapur	PS-04/17	
5.	Polisi Pengurusan Keselamatan Makanan	PS-05/17	
6.	Carta Alir Proses	PS-06/17	
7.	Senarai Menu	PS-07/17	
8.	Rekod Vaksinasi Pekerja	PM-01/17	
9.	Rekod Senarai Kehadiran Latihan dan Penilaian Latihan	PM-02/17	
10.	Jadual dan Rekod Latihan	PM-03/17	
11.	Rekod Latihan Individu	PM-04/17	
12.	Rekod Kebersihan Diri dan Amalan Pengendali	PM-05/17	
13.	Borang Pengisytiharan Kesihatan Pelawat	PM-06/17	
14.	Jadual Pembersihan dan Sanitasi	SD-01/17	
15.	Rekod Pembersihan Premis	SD-02/17	
16.	Kaedah Pembersihan dan Sanitasi	RK-01/17	
17.	Rekod Pembersihan Premis	RK-02/17	
18.	Rekod Penyelenggaraan Penapis Air	RK-03/17	
19.	Jadual Sanitasi Peralatan/ Perkakasan	PP-01/17	
20.	Rekod Pembersihan Peralatan/ Perkakasan	PP-02/17	
21.	Jadual dan Rekod Kalibrasi Peralatan/ Perkakasan	PP-03/17	
22.	Spesifikasi Bahan Mentah	BM-01/17	
23.	Rekod Penerimaan Bahan Mentah	BM-02/17	
24.	Rekod Kawalan Penyimpanan Bahan Mentah	BM-03/17	
25.	Jadual Kawalan Penyediaan Makanan	PY-01/17	
26.	Rekod Kawalan Penyediaan Makanan	PY-02/17	
27.	Jadual Kawalan Penerimaan Bahan Pembungkus	PB-01/17	
28.	Rekod Kawalan Penerimaan Bahan Pembungkus	PB-02/17	
29.	Jadual Kawalan Penyimpanan Bahan Pembungkus	PB-03/17	

30.	Rekod Kawalan Penyimpanan Bahan Pembungkus	PB-04/17	
31.	Rekod Kawalan Aktiviti Pembungkusan Makanan	PB-05/17	
32.	Rekod Kawalan Penyimpanan Makanan Sedia Dimakan	PP-01/17	
33.	Rekod Pengangkutan dan Penghantaran Makanan	PG-01/17	
34.	Rekod Pemeriksaan Kebersihan Kenderaan	PG-02/17	
35.	Rekod Penghidangan Makanan	PH-01/17	
36.	Rekod Pengendalian Lebihan Makanan	PH-02/17	
37.	Rekod Kawalan Makhluk Perosak	MP-01/17	
38.	Rekod <i> Holding Sample </i>	KK-01/17	
39.	Rekod Kawalan ke atas Produk Makanan yang Rosak	KK-02/17	

1.0 PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-01/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROFIL SYARIKAT			

1.0 PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN


1.1 PROFIL SYARIKAT

MAKLUMAT DAN BUTIRAN SYARIKAT	
Nama Syarikat	
Alamat	
No.Tel	
No.Faks	
Email	
Nama Pegawai Yang Bertanggungjawab	
PROFIL SYARIKAT	
No. Pendaftaran Syarikat	
No. Pendaftaran Premis (dengan KKM)	
Anggaran Pendapatan Tahunan	
Bilangan Pekerja	
Waktu Operasi	
Lain-Lain Pensijilan	

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-02/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : CARTA ORGANISASI SYARIKAT			

1.2 CARTA ORGANISASI SYARIKAT

CONTOH:




****Mengikut carta organisasi sebenar pihak syarikat***

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-03/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PELAN LOKASI PREMIS KATERING			

1.3 PELAN LOKASI PREMIS KATERING


CONTOH:



	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-04/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PELAN SUSUN ATUR DAPUR			

1.4 PELAN SUSUN ATUR DAPUR

CONTOH:



Petunjuk :

.....>	Lualan Pekerja
----->	Lualan Bahan Mentah
- - - ->	Lualan Makanan RTE
————>	Lualan Sisa Buangan
●	Kemudahan Cuci Tangan


	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-05/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN			

1.5 POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN

Pihak pengurusan syarikat adalah komited untuk menghasilkan makanan yang bersih, selamat dan memenuhi perundangan makanan di Malaysia.

- I. Akta Makanan 1983
- II. Peraturan–Peraturan Makanan 1985
- III. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009


Pihak pengurusan juga akan memastikan amalan sanitasi dipraktikkan oleh semua pekerja bermula dari bahan mentah sehingga kepada penghidangan makanan kepada pelanggan.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-06/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : CARTA ALIR PROSES			

1.6 CARTA ALIR PROSES

Menu: Ayam Goreng

CONTOH :




	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PS-07/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : SENARAI MENU			

1.7 SENARAI MENU

BIL.	MENU
1.	<i>Nasi minyak</i>
2.	<i>Ayam goreng</i>
3.	<i>Kari daging</i>
4.	<i>Jelatah</i>
5.	
6.	
7.	

2.0 PENGENDALI MAKANAN

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : VAKSINASI			

2.1 Vaksinasi

1.0 OBJEKTIF

Untuk mengelakkan pencemaran silang.

2.0 SKOP

Semua pekerja.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Penyelia


3.2 Semua pekerja

4.0 PROSEDUR

Semua pengendali makanan hendaklah mendapatkan Vaksinasi Anti Tifoid dan direkodkan.

5.0 REKOD

5.1 Rekod Vaksinasi Pekerja

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-01/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : VAKSINASI			

CONTOH:

REKOD VAKSINASI PEKERJA

NAMA SYARIKAT : <i>SYARIKAT ABC SDN. BHD.</i>			TAHUN : <i>2017</i>	
NAMA PENYELARAS: <i>FARAH WAHIDA OTHMAN</i> JAWATAN: <i>PENGURUS</i>				
Bil.	Nama Kakitangan	No.Kad Pengenalan	Tarikh Vaksinasi	Tarikh Tamat Vaksinasi
1.	<i>ATIQAHA BINTI NIZAM</i>	<i>781205-01-5628</i>		
2.	<i>EHSAN BIN MUSA</i>	<i>640101-05-5571</i>		
3.	<i>MOHD AQIL BIN ISMAIL</i>	<i>851212-10-5569</i>		
4.	<i>HAMIZAH BINTI MOHD SHUKRI</i>	<i>830506-05-5542</i>		
5.	<i>NUR ADILA BINTI ZULBAKRI</i>	<i>900403-08-5672</i>		

(*sila buat lampiran jika tidak mencukupi)

Disediakan oleh:


Disahkan oleh :

.....

.....

(PEGAWAI BERTUGAS)

(PENYELIA)

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN			

2.2 PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN

1.0 OBJEKTIF

Memastikan setiap pengendali makanan dan penyelia perkhidmatan makanan mendapat latihan yang sepatutnya.

2.0 SKOP

Semua pekerja.

3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Pengurus pentadbiran
- 3.2 Semua perkerja

4.0 PROSEDUR

- 4.1 Semua pengendali makanan perlu menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan dari Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh KKM.
- 4.2 Setiap Penyelia Perkhidmatan Makanan hendaklah menjalani Latihan Penyelia Perkhidmatan Makanan yang sah dari Sekolah Latihan Penyelia Perkhidmatan Makanan (SLPPM) yang diiktiraf oleh KKM.
- 4.2 Pihak pengurusan katering juga hendaklah merancang dan menjalankan latihan-latihan dalaman seperti teknik penyediaan makanan yang selamat, pengisian rekod keselamatan makanan dan sebagainya.
- 4.3 Setiap latihan yang dijalankan hendaklah di rekodkan.
- 4.4 Keberkesanan latihan perlu dinilai dan direkodkan.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN			


4.5 Pengurusan juga hendaklah menyediakan jadual latihan untuk rujukan dan tindakan.

5.0 REKOD

5.1 Rekod Senarai Kehadiran Latihan dan Penilaian Latihan

5.3 Jadual dan Rekod Latihan

5.4 Rekod Latihan Individu

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-02/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN			

CONTOH :

REKOD SENARAI KEHADIRAN LATIHAN & PENILAIAN LATIHAN

Syarikat:


Tarikh Latihan:

Nama Pengajar:

Jawatan:

Tajuk Latihan:

Bil	Nama	Jawatan	Tempat Bertugas	Tandatangan	Penilaian	Cadangan
1.	<i>Aziah</i>	<i>Pengurus</i>	<i>Pengurusan</i>	<i>Aziah</i>	<i>Mahir dalam operasi</i>	<i>Tiada</i>
2.	<i>Hairul</i>	<i>Ketua Unit</i>	<i>Unit Bakeri</i>	<i>Hairul</i>	<i>Boleh mengendailkan semua mesin</i>	<i>Tiada</i>
3.	<i>Karim</i>	<i>Pengendali makanan</i>	<i>Unit Bakeri</i>	<i>Karim</i>	<i>Masih baru, perlu cekap mempelajari operasi pembuatan kari daging</i>	<i>Latihan secara hands on</i>

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-03/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN			

CONTOH :

JADUAL DAN REKOD LATIHAN

Bil.	Tajuk Latihan	Kategori Pekerja Terlibat	Tarikh (Cadangan)	Tarikh (Pelaksanaan)
1.	<i>Latihan etika penghidangan makanan</i>	<i>Semua pengendali makanan</i>	<i>5/1/2017</i>	<i>5/1/2017</i>
2.	<i>Pencucian dan sanitasi</i>	<i>Semua pekerja</i>	<i>25/1/2017</i>	<i>25/1/2017</i>
3.	<i>Latihan pengendali makanan</i>	<i>Semua pengendali makanan</i>	<i>10/2/2017</i>	<i>10/2/2017</i>

Disediakan oleh:

Disahkan oleh :

.....

.....

(PEGAWAI BERTUGAS)


(PENYELIA)

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-04/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DAN PENYELIA PERKHIDMATAN MAKANAN			

CONTOH :

REKOD LATIHAN INDIVIDU

NAMA: Mohd Rashidi			
JAWATAN: Tukang masak			
BIL.	TAJUK LATIHAN	TARIKH	DISAHKAN OLEH
1.	<i>Latihan pengendali makanan</i>	<i>10/2/2017</i>	<i>Mohd Naim (Penyelia)</i>
2.	<i>Taklimat keselamatan makanan</i>	<i>17/2/2017</i>	<i>Mohd Naim (Penyelia)</i>

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI & PELAWAT			

2.3 Kebersihan Diri Pengendali & Pelawat

1.0 OBJEKTIF

Untuk mengelakkan pencemaran silang.

2.0 SKOP

Semua pekerja dan pelawat.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Penyelia

3.2 Semua pekerja

4.0 PROSEDUR

4.1 Kebersihan Diri Pengendali Makanan:

Semua pengendali makanan hendaklah sentiasa:

4.1.1 Memakai pakaian yang bersih dan sesuai.

4.1.2 Memakai apron berwarna cerah, penutup kepala/rambut dan kasut bertutup.


4.1.3 Kuku pendek dan bersih.

4.1.4 Memakai penutup mulut atau sarung tangan (jika perlu).

4.1.5 Tidak memakai barang kemas (Contoh: cincin / rantai / gelang) / aksesori (Contoh: jam tangan / pin tudung).

4.1.6 Tiada luka/kudis yang terdedah.

4.1.7 Tidak mengalami cirit-birit/ sakit perut/ lain-lain penyakit berjangkit.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI & PELAWAT			

4.2 Amalan Pengendali Makanan

4.2.1 Basuh tangan dengan betul (sebelum pengendalian makanan / kotor/ tercemar / selepas ke tandas/ mengendalikan bahan mentah) dengan menggunakan air dan sabun / pencuci tangan cecair.

4.2.2 Tidak melakukan apa-apa kelakuan / tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran makanan seperti merokok, bersin, batuk, menggaru, mengorek hidung/ telinga dan sebagainya.

4.2.3 Menanggalkan pakaian pelindung atau apron sebelum ke tandas.

4.2.4 Kaedah yang betul hendaklah digunakan apabila merasa makanan:

4.2.4.1 Ambil makanan yang hendak dirasa dan letak di dalam bekas khusus untuk merasa.

4.2.4.2 Gunakan sudu kecil untuk merasa makanan.

4.2.4.3 Basuh sudu dan bekas tersebut selepas penggunaan.


4.3 Pelawat

4.3.1 Setiap pelawat yang masuk ke kawasan operasi perlu memaklumkan kedatangan mereka kepada pihak pengurusan syarikat dan mengisi borang yang disediakan.

4.3.2 Pelawat perlu memakai pakaian perlindungan iaitu apron / 'overall' / kasut dan penutup kepala di dalam kawasan operasi kecuali pejabat.


4.3.3 Pelawat yang memasuki premis perlu mematuhi polisi kebersihan diri yang ditetapkan.

4.3.4 Semua pelawat akan diiringi oleh anggota syarikat.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI & PELAWAT			

5.0 REKOD

- 5.1 Rekod Kebersihan Diri dan Amalan Pengendali
- 5.2 Borang Pengisytiharan Kesihatan Pelawat

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-05/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI & PELAWAT			

CONTOH:

REKOD KEBERSIHAN DIRI DAN AMALAN PENGENDALI


KRITERIA	YA	TIDAK	CATATAN
1. Etika Pakaian Pengendali Makanan			
1.1 Apron			
1.2 Penutup kepala			
1.3 Penutup mulut			
1.4 Sarung tangan			
1.5 Tidak memakai barang kemas dan aksesori			
1.6 Kasut yang bertutup			
1.7 Tidak memakai pin tudung, kerongsang, jarum peniti, tanda nama, manik dll			
2. Kebersihan diri			
2.1 Kuku pendek & bersih			
2.2 Tiada luka /kudis terbuka			
2.3 Rambut terurus (bertutup)			
2.4 Tiada jangkitan kulit yang terdedah			
3. Amalan Pengendali			
3.1 Tidak merokok/meludah/ batuk/ bersin semasa melakukan tugas			
3.2 Mencuci tangan sebelum /selepas melakukan tugas			
3.3 Mencuci tangan selepas ke tandas			
3.4 Menanggalkan apron apabila ke tandas, berehat atau keluar dari premis			

TANDAkan ✓ - Patuh X - Tidak Patuh

Disahkan oleh :

.....

(PENYELIA)

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PM-06/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENGENDALI MAKANAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI & PELAWAT			

CONTOH:

BORANG PENGISYTIHARAN KESIHATAN PELAWAT

Nama : Tarikh:.....
 No I/C : Keturunan

Kem / Jab / Agensi / Institusi / Unit :

Alamat Jab / Unit :

Jawatan:

Tujuan Lawatan :

Adalah saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya bebas dari penyakit-penyakit seperti di bawah:-

(Tandakan ✓ di ruangan berkenaan jika mengalami)

	Demam campak / Chicken pox
	Cacar / Measles
	Luka / nanah / bisul / kudis
	Batuk / selsema
	Lelehan dari mata, telinga dan hidung
	Cirit birit

Yang memohon:

Diterima oleh :


Tandatangan :

Tandatangan :

Nama :

Nama :

3.0 STRUKTUR DAPUR

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM STRUKTUR DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : STRUKTUR DAPUR			

3.1 STRUKTUR DAPUR

1.0 OBJEKTIF

Bagi memastikan infrastruktur dapur sentiasa dalam keadaan baik dan bersih.

2.0 SKOP

Infrastruktur di dapur.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Semua pekerja

3.2 Penyelia dan pihak pengurusan

4.0 PROSEDUR

4.1 Lantai

Lantai bagi premis perkhidmatan makanan hendaklah:

4.1.1 Dibuat dari bahan yang bersesuaian, mudah dicuci dan tidak licin.


4.1.2 Sentiasa dalam keadaan baik dan bersih.

4.2 Dinding/ Siling/ Pintu/ Tingkap

4.2.1 Sentiasa dalam keadaan baik dan bersih (tiada habuk dan sawang).


4.3 Sistem Saliran

4.3.1 Semua longkang hendaklah dicuci dan diselenggara secara berkala agar sentiasa berada dalam keadaan yang bersih.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM STRUKTUR DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : STRUKTUR DAPUR			

5.0 PROSEDUR


- 5.1 Jadual Pembersihan dan Sanitasi
- 5.2 Rekod Pembersihan dan Sanitasi

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	SD-01/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM STRUKTUR DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : STRUKTUR DAPUR			

CONTOH :

JADUAL PEMBERSIHAN DAN SANITASI

Bil.	Kawasan	Perkara	Kaedah Verifikasi
1.	<i>Lantai</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Buangkan kotoran</i> • <i>Basuh dengan air</i> • <i>Cuci dengan detergen, bilas dan keringkan</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>
2.	<i>Dinding</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Buangkan kotoran</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>
3.	<i>Siling</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Buangkan sawang/habuk</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>
4.	<i>Tingkap</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Buangkan kotoran</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>
5.	<i>Pintu</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Buangkan kotoran</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>
6.	<i>Saliran</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Alirkan air panas</i> • <i>Guna penyapu bagi menolak sampah</i> • <i>Alirkan air biasa bagi memastikan tiada kotoran tersumbat</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	SD-02/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM STRUKTUR DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : STRUKTUR DAPUR			

CONTOH :

REKOD PEMBERSIHAN PREMIS

Bulan: Januari

Tahun : 2017

BIL	KAWASAN	TARIKH																	
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
1	Lantai																		
2	Dinding																		
3	Siling																		
4	Tingkap																		
5	Pintu																		
6	Saliran																		

1. PERKARA YANG DIPERIKSA: Kebersihan keseluruhan, pembuangan sampah, tiada tanda-tanda kehadiran makhluk perosak, berfungsi dengan baik dan kemudahan mencukupi

2. TANDAKAN: √ - Memuaskan X – Tidak Memuaskan

Disediakan oleh:

Disahkan oleh :


.....

.....

(PEGAWAI BERTUGAS)

(PENYELIA)

4.0 REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

4.1 RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR

1.0 OBJEKTIF

Memastikan ruang/kawasan dan kemudahan yang disediakan di dapur sentiasa dalam keadaan baik dan bersih.

2.0 SKOP

Ruang/kawasan dan kemudahan dalam dapur.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Pengurus pentadbiran

3.2 Semua perkerja

4.0 PROSEDUR

4.1 Sinki Cuci Tangan

4.1.1 Dibekalkan dengan air mengalir yang mencukupi


4.1.2 Sinki beroperasi secara bebas tangan (*hands free operated*).

4.1.3 Sabun/bahan pencuci tangan serta kertas tisu/ pengering tangan dan tong sampah berpenutup jenis tekan kaki disediakan.

4.1.4 Mempamerkan poster 7 langkah membasuh tangan yang betul

4.2 Penstoran/Ruang Penyimpanan

Stor atau ruang penyimpanan yang sesuai pada saiz yang mencukupi hendaklah disediakan bagi penyimpanan makanan mengikut jenis bahan mentah dan penyimpanan peralatan atau perkakas:

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

4.2.1 Ruang simpanan sejuk beku/ dingin

4.2.1.1 Ruang simpanan sejuk beku berada dalam keadaan bersih dan berfungsi dengan baik (Suhu: < -18°C).

4.2.1.2 Ruang simpanan sejuk dingin berada dalam keadaan bersih dan berfungsi dengan baik (Suhu: -1°C hingga 10°C).

4.2.1.3 Tidak menyimpan makanan sejuk beku/ dingin melebihi muatan maksimum.

4.2.1.4 Bahan mentah dan makanan yang telah dimasak hendaklah disimpan dalam ruangan yang berasingan.


4.2.2 Ruang simpanan kering

4.2.2.1 Tiada pencampuran antara bahan makanan dan bahan bukan makanan.

4.2.2.2 Mempunyai pengudaraan yang baik dan pencahayaan yang mencukupi.

4.2.2.3 Langkah yang sewajarnya hendaklah diambil untuk memastikan ruang simpanan kering bebas dari serangan makhluk perosak.

4.2.2.4 Bekas yang mengandungi makanan tidak diletakkan di atas lantai, sebaliknya gunakan pengalas yang sesuai dan disusun sekurang-kurangnya pada jarak 15 cm daripada dinding dan 20 cm dari aras lantai.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

4.2.3 Ruang simpanan peralatan atau perkakas

4.2.3.1 Simpan semua peralatan atau perkakas di tempat di atas rak dan tidak bersentuhan dengan lantai.

4.2.3.2 Tiada percampuran antara bahan makanan dan bahan bukan makanan.

4.3 Ruang Pencucian Peralatan dan Perkakasan (*Central Wash-Up*)


4.3.1 Permukaan lantai hendaklah mudah dibersihkan dan mempunyai sistem saliran longkang.

4.3.2 Kawasan pencucian peralatan dan perkakasan sentiasa dalam keadaan yang bersih.


4.3.3 Arahan mengenai pelupusan sampah hendaklah dipaparkan.

4.3.4 Ruang pencucian dengan ruang merendam hendaklah bersebelahan. Sinki ketiga adalah perlu untuk membilas dan ruang pengeringan hendaklah mencukupi.

4.3.5 Bekas yang mengandungi makanan tidak diletakkan di atas lantai, sebaliknya gunakan pengalas yang sesuai dan disusun sekurang-kurangnya pada jarak 15 cm daripada dinding dan 20 cm dari aras lantai.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

- 4.4 Kelengkapan Gas Memasak
- 4.4.1 Paip atau hos berada dalam keadaan yang sesuai, selamat dan bersih.
- 4.4.2 Paip atau hos hendaklah sentiasa dipastikan tidak bocor.
- 4.5 Pengudaraan
- 4.5.1 Sistem pengudaraan perlu diselenggara dan dibersihkan secara berkala.
- 4.6 Pencahayaan
- 4.6.1 Lampu berada dalam keadaan yang bersih dan baik.
- 4.6.2 Lampu berpenutup perlu disediakan bagi menghalang sebarang serpihan kaca sekiranya lampu tersebut pecah.
- 4.7 Bekalan Elektrik
- 4.7.1 Bekalan elektrik hendaklah disahkan selamat oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- 4.7.2 Penyambungan suis dan soket yang membahayakan adalah dilarang sama sekali.
- 4.8 Kawasan Pelupusan Sisa Pepejal
- 4.8.1 Tong sampah hendaklah dilapik dengan karung plastik dan sentiasa ditutup. Tong sampah perlulah dari jenis tekan kaki (*foot operated*).
- 4.8.2 Tempat pengumpulan sampah hendaklah bebas daripada sebarang gangguan makhluk perosak.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

4.8.3 Tempat pengumpulan sampah hendaklah berkeadaan bersih dan diselenggara dengan baik.

4.9 Kemudahan Bilik/ Ruang Persalinan

4.9.1 Bilik/ ruang persalinan sentiasa dalam keadaan yang bersih dan kemas.

4.9.2 Bilik/ ruang persalinan menyediakan kemudahan menyimpan barangan peribadi bagi mengelakkan ia dibawa masuk ke kawasan penyediaan/ pemprosesan makanan.

4.9.3 Lokasi bilik/ ruang persalinan perlulah sesuai bagi menghalang pencemaran silang.

4.10 Tandas

4.10.1 Keadaan tandas hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, berfungsi dengan baik dan tidak berbau busuk.

4.10.2 Tandas mempunyai bekalan sumber air yang mengalir.


4.10.3 Tandas dilengkapi dengan cecair pencuci dan kemudahan pengering tangan (sama ada tisu/ alat pengering tangan) serta tong sampah berpenutup.

4.10.4 Pastikan pintu tandas supaya tidak terbuka secara terus kepada bilik atau bahagian penyediaan / pemprosesan makanan.

5.0 REKOD

5.1 Kaedah Pembersihan dan Sanitasi

5.2 Rekod Pembersihan Premis

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	RK-01/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			


CONTOH :

KAEDAH PEMBERSIHAN DAN SANITASI

Kawasan	Bahan Cuci	Prosedur	Kaedah Verifikasi
<i>Tandas</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Air</i> • <i>Detergen</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bersihkan kotoran</i> • <i>Basuh dengan air</i> • <i>Cuci dengan detergen</i> • <i>Bilas</i> 	<i>Rekod Pembersihan</i>

CATATAN:

KAEDAH PENCUCIAN: Menggunakan air dan bahan detergen

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	RK-02/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : RUANG/KAWASAN DAN KEMUDAHAN DI DAPUR			

CONTOH :

REKOD PEMBERSIHAN PREMIS

Bulan: JANUARI

Tahun : 2017

BIL	KAWASAN	TARIKH																	
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
1	Tandas																		
2	Biik Persalinan																		
3	Kawasan Pelupusan Sisa Pepejal																		
4	Stor penyimpanan																		
5	Sinki Cuci Tangan																		

1. PERKARA YANG DIPERIKSA: Kebersihan keseluruhan, pembuangan sampah, tiada tanda-tanda kehadiran makhluk perosak, berfungsi dengan baik dan kemudahan mencukupi

2. TANDAKAN: √ - Memuaskan X – Tidak Memuaskan

Disediakan oleh:


Disahkan oleh :

.....

.....

(PEGAWAI BERTUGAS)

(PENYELIA)

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : BEKALAN AIR/ AIS/ STIM			

4.2 BEKALAN AIR/ AIS/ STIM

1.0 OBJEKTIF

Memastikan bekalan air/ais/stim diperolehi dari punca yang selamat agar tidak menyumbang kepada pencemaran produk yang dihasilkan.

2.0 SKOP

Bekalan air/ ais/ stim yang digunakan dalam penyediaan makanan.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Pengurus pentadbiran

3.2 Semua pekerja

4.0 PROSEDUR


4.1 Air hendaklah bersih, tidak tercemar, tidak mempunyai rasa dan bau. Oleh itu, pengusaha makanan perlu memastikan sumber air adalah daripada bekalan air awam.

4.2 Sumber air mestilah daripada bekalan secara terus dan bukannya dari bekas tadahan contohnya air perigi dan air dari tangki simpanan kecil.

4.3 Bekalan air hendaklah dilindungi secukupnya daripada apa-apa pencemaran.

4.4 Ais yang digunakan dalam penghasilan makanan hendaklah dibuat daripada air yang selamat diminum..


4.5 Ais hendaklah disimpan dalam bekas tertutup dan perlu dielakkan daripada diletakkan di atas lantai, di laluan jalan kaki atau permukaan yang terdedah kepada lalu lintas.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : BEKALAN AIR/AIS/STIM			

- 4.6 Stim yang digunakan dalam penghasilan makanan hendaklah daripada sumber air yang selamat dan tidak mencemarkan makanan.
- 4.7 Penapis air hendaklah diselenggara secara berkala.

5.0 REKOD

- 5.1 Rekod Penyelenggaraan Penapis Air


	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	RK-03/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM REKABENTUK DAN KEMUDAHAN DI DAPUR		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : BEKALAN AIR/AIS/STIM			

Contoh:

REKOD PENYELENGGARAAN PENAPIS AIR

Tarikh	Perkara-perkara yang diperiksa (sila nyatakan)	Diperiksa Oleh	Catatan	Tindakan	Disahkan oleh
2 Feb 2017	Carbon Filter	Ikmal	Kotor	Tukar baru	Izwan
	Fine Sand Filter	Ikmal	Kotor	Cuci	Safura

5.0 PERALATAN DAN PERKAKASAN DAPUR

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN PERALATAN / PERKAKASAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PERALATAN DAN PERKAKASAN			

5.1 PERALATAN & PERKAKASAN

1.0 OBJEKTIF

Memastikan semua peralatan/ perkakasan yang digunakan tidak menyumbang kepada pencemaran

2.0 SKOP

Semua peralatan/perkakasan yang digunakan.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Pengurus pentadbiran

3.2 Semua perkerja

4.0 PROSEDUR

4.1 Berada dalam keadaan baik/tidak rosak, mudah dibersihkan dan tidak bertoksik.


4.2 Peralatan dan perkakasan yang rosak dan tidak digunakan dikeluarkan dari premis makanan.

4.3 Papan pemotong yang khusus hendaklah digunakan bagi makanan mentah dan makanan yang telah dimasak.

4.4 Lakukan pencucian menggunakan bahan, peralatan dan kaedah pencucian yang sesuai dan betul setiap kali selepas penggunaan.

4.5 Semua peralatan/perkakasan yang digunakan untuk penyediaan makanan perlu dibersihkan dengan bahan pencuci, dibilas, disanitasi dan dikeringkan sebelum dan selepas digunakan.


4.6 Semua peralatan/perkakasan yang digunakan untuk penyediaan makanan perlu dibersihkan dengan bahan pencuci, dibilas, disanitasi dan dikeringkan sebelum dan selepas digunakan.

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN PERALATAN / PERKAKASAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PERALATAN & PERKAKASAN			

- 4.6 Kain pengelap yang digunakan untuk mengelap peralatan/ perkakasan penyediaan makanan, hendaklah sentiasa bersih dan diasingkan penggunaan.
- 4.7 Kesemua alat pengukur termasuk pengukur masa, suhu dan berat perlu disukat (dikalibrasi) mengikut keperluan.
- 4.8 Peralatan perlu sentiasa diselenggara dan dibersihkan mengikut keperluan Jadual Penyelenggaraan dan Sanitasi.

5.0 REKOD


- 5.1 Jadual Sanitasi Peralatan/ Perkakasan
- 5.3 Rekod Pembersihan Peralatan/ Perkakasan
- 5.4 Jadual dan Rekod Kalibrasi Peralatan/ Perkakasan

	SYARIKAT ABC SDN BHD	No. Dokumen	PP-01/17
		Tarikh Berkuatkuasa	
MANUAL PJKM PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN PERALATAN / PERKAKASAN		Versi	
		Muka surat	
SUB TOPIK : PERALATAN & PERKAKASAN			

CONTOH:

JADUAL SANITASI PERALATAN/ PERKAKASAN

Bil	Peralatan	Lokasi	Penyelenggaraan	Sanitasi				Kaedah
			Kekerapan	Kekerapan				
				1 X (selepas proses)	2 X (sebelum operasi & selepas operasi)	1 X/ minggu		
1.	<i>Penimbang</i>	<i>Loading bay</i>	<i>2 X setahun atau jika ada masalah</i>	X				<i>Pembersihan</i>
2.	<i>Meja penyediaan</i>	<i>Kawasan penyediaan</i>	<i>2 X setahun atau jika ada masalah</i>		X			<i>Pembersihan dan Sanitasi</i>
3.	<i>Mesin pemotong</i>	<i>Kawasan penyediaan</i>	<i>2 X setahun atau jika ada masalah</i>		X			<i>Pembersihan dan Sanitasi</i>
